

SALZBURG GLOBAL SEMINAR

EDUCATION FOR
TOMORROW'S WORLD

Dengan semakin mengecilnya sempadan dunia, keupayaan untuk bertutur pelbagai bahasa dan berkomunikasi merentas perbezaan linguistik merupakan satu kemahiran yang kritikal. Malah, mengetahui sedikit tentang lebih daripada satu bahasa pun adalah bermanfaat. Kemahiran dalam bahasa tambahan merupakan satu bentuk kecelikan global yang baharu. Pembelajaran bahasa perlu dikembangkan kepada semua – tua maupun yang muda.

Namun demikian, hak hakiki berjuta manusia di seluruh dunia untuk mengekal, menikmati dan membangunkan identiti serta komuniti bahasa telah dinafikan. Ketidakadilan ini perlu diperbetulkan dalam dasar bahasa yang menyokong masyarakat dan individu berbilang bahasa.

Kami, peserta sesi Seminar Global Salzburg, *Batu Loncatan Bakat: Pembelajaran Bahasa dan Integrasi dalam Dunia Global (Springboard for Talent: Language Learning and Integration in a Globalized World)* - (12-17 Disember, 2017 salzburgglobal.org/go/586),

menuntut dasar yang mementingkan dan mendukung hak keanekabahasaan dan bahasa.

Pernyataan Salzburg untuk Dunia Berbilang Bahasa akan disokong oleh laporan yang komprehensif dan blog berhubung topik utama yang diterbitkan sepanjang tahun 2018.

Ketetapan Salzburg untuk Dunia Berbilang Bahasa

KITA HIDUP DI DUNIA YANG:

- Kesemua 193 negara anggota PBB dan kebanyakan orang boleh bertutur pelbagai bahasa.
- Terdapat 7,097 bahasa yang dituturkan di segenap pelosok dunia.
- 2,464 daripadanya berhadapan dengan kepupusan¹.
- 23 bahasa mendominasi dan dituturkan oleh lebih separuh populasi dunia.
- 40% manusia tiada akses kepada pendidikan dalam bahasa yang difahami mereka².
- 617 juta kanak-kanak dan remaja tidak mencapai tahap kemahiran membaca yang minimum³.
- 244 juta orang merupakan migran antarabangsa, 20 juta daripadanya ialah pelarian, iaitu peningkatan sebanyak 41% sejak tahun 2000⁴. Golongan migran dan pelarian sahaja cukup untuk menjadi negara kelima paling padat penduduk di dunia⁵.

Dunia kita ini sememangnya dunia yang berbilang bahasa, namun masih banyak sistem pendidikan dan ekonomi, proses kerakyatan dan pentadbiran awam tidak menyampaikan manfaat yang sewajarnya kepada berjuta-juta manusia disebabkan masalah bahasa dan kemampuan berbahasa mereka. Kita mesti menangani cabaran ini jika kita mahu mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals)⁶, yang diterima pada tahun 2015 oleh 193 negara untuk “menghapuskan kemiskinan, melindungi planet dan memastikan kemakmuran untuk semua.” Satu sistem pendidikan yang saksama, dibina berdasarkan dasar yang utuh dan adil adalah penting untuk kemajuan inklusif.

PRINSIP

- Keanekabahasaan merujuk pengajaran bahasa yang eksplisit dan corak komunikasi tidak formal yang wujud dalam masyarakat berbilang bahasa.
- Kepelbagaian bahasa ialah pengetahuan berbilang bahasa individu.
- Situasi sejarah, geografi dan sosioekonomi membawa kepada pelbagai bentuk dan kegunaan keanekabahasaan.
- Pendidikan berbilang bahasa dan sokongan keanekabahasaan sosial oleh organisasi negara dan antarabangsa, menggalakkan pertukaran ilmu dan pemahaman antara budaya selain mengukuhkan hubungan antarabangsa.

Dasar bahasa yang khusus dapat meningkatkan perpaduan sosial, menambah baik hasil pendidikan dan menggalakkan pembangunan ekonomi. Kaedah pembelajaran bahasa tambahan membolehkan kanak-kanak membina kemahiran celik huruf yang kukuh dalam bahasa ibunda mereka; membantu masyarakat mengekalkan identiti, pengetahuan dan kepercayaan bahasa mereka; dan mewujudkan peluang untuk mempelajari bahasa baharu demi manfaat peribadi, rekreasi, budaya atau ekonomi. Dasar berbilang bahasa dapat mengekalkan sumber unik lagi penting kepelbagaian bahasa dan memacu perubahan positif di dunia, dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Kami menyeru kepada para individu, syarikat, institusi dan kerajaan untuk mengamalkan minda berbilang bahasa yang mendukung dan menggalakkan kepelbagaian bahasa sebagai norma global, menangani diskriminasi bahasa dan membangunkan dasar bahasa yang memajukan keanekabahasaan.

SYOR

Penggubalan Dasar

Dasar bahasa yang berhasil memerlukan input daripada pakar selain penyertaan aktif pihak berkepentingan dalam komuniti. Pembentukan keputusan yang jelas dan rasional tentang bahasa dalam masyarakat merujuk:

- Merunding matlamat yang jelas lagi realistik dan boleh dicapai.
- Merangkum semua pihak berkepentingan dalam proses dasar, berserta peranan yang utama untuk para guru di semua peringkat.
- Mengatur dasar daripada prasekolah hingga ke peringkat pasca persekolahan dan pendidikan sepanjang hayat serta bukan formal.
- Memfokuskan semua aset dan keperluan bahasa, termasuk penyenggaraan, pembelajaran dan penggunaan bahasa ibunda komuniti minoriti.
- Menggunakan cerapan daripada penyelidikan kognitif dan pendidikan untuk bahasa ibunda serta pembelajaran bahasa ibunda lain.
- Memanfaatkan potensi teknologi komunikasi.
- Memperoleh sumber yang sewajarnya untuk pelaksanaan dasar secara menyeluruh.
- Memantau dan menilai matlamat dasar dan pelaksanaan secara teratur.

Pengajaran dan Pembelajaran

Rangkuman penuh dasar bahasa terdiri daripada bidang sosial, ekonomi dan budaya selain pendidikan. Pembelajaran bahasa sepanjang hayat adalah penting bagi masyarakat untuk mengekal dan memanfaatkan keanekabahasaan. Dasar pendidikan, kemahiran dan buruh seharusnya menggalakkan dan mengenal pasti pembelajaran bahasa untuk semua, di samping penghayatan positif terhadap kepelbagaian bahasa. Kanak-kanak dan golongan dewasa haruslah mendapat peluang yang berterusan dan bersepada untuk membangun, memperkuuh dan meluaskan kemampuan bahasa mereka, sepanjang hayat.

Satu paradigma baharu pendidikan perlu ada, yang merangkumi sistem pengetahuan tradisional dan alternatif di samping dapat memanfaatkan teknologi moden. Wahad untuk pembelajaran bahasa yang aktif sebenarnya tidak terhad di sekolah dan institusi pendidikan tinggi sahaja. Jalan, rumah, rangkaian sosial, persekitaran digital dan sokongan pelarian, kesemuanya dapat menggalakkan pembelajaran dan penghayatan bahasa secara aktif.

Penterjemahan dan Alih Bahasa

Kedua-dua perkhidmatan ini penting dalam pelan dan penyampaian perkhidmatan awam di samping pertukaran maklumat dalam masyarakat berbilang bahasa. Penyertaan yang saksama dalam bidang kesihatan, pendidikan, ekonomi dan undang-undang bergantung pada pengantaraan bahasa yang sentiasa tersedia dan profesional.

SERUAN UNTUK BERTINDAK

Pihak berkepentingan yang dapat memacu perubahan termasuklah penyelidik dan guru; pekerja komuniti, masyarakat awam dan organisasi bukan kerajaan; penggiat budaya dan media; pegawai kerajaan dan awam; syarikat perniagaan dan komersil; agensi pembangunan dan bantuan; selain yayasan serta badan amanah. *Kami menyeru kesemua mereka untuk membantu:*

- Membangunkan dasar bahasa, amalan dan teknologi yang menyokong masyarakat yang dinamik dan padu untuk memupuk sikap yang positif terhadap keanekabahasaan dan kepelbagaian bahasa.
- Menyokong hak, kepelbagaian dan kerakyatan bahasa secara aktif dalam dokumentasi rasmi dan pemesejan awam.
- Menangani semua kejadian diskriminasi, prejudis, berat sebelah dan ketidaksamaan yang berkaitan dengan bahasa dan celik huruf.
- Mengiktiraf bahawa golongan minoriti, migran dan pelarian memiliki modal linguistik yang besar dan hal ini bernilai tinggi untuk dunia sedia ada dan masa depan kita.

Setiap kumpulan pihak berkepentingan ini, melalui cara unik masing-masing, dapat menerima dan

menyokong keanekabahasaan untuk kemajuan dan kesaksamaan sosial serta kewarganegaraan penyertaan. Bersama-sama, kita boleh mengambil tindakan untuk melindungi khazanah ilmu dan budaya keanekabahasaan untuk generasi akan datang.

¹Atlas Bahasa (Language Atlas), UNESCO: <http://www.unesco.org/languages-atlas/>

²“40% tidak mengakses pendidikan dalam bahasa yang difahami mereka,” UNESCO: <https://en.unesco.org/news/40-don-t-access-education-language-they-understand>

³“617 juta kanak-kanak dan remaja tidak memperoleh yang minimum dalam bacaan dan matematik,” UNESCO: <https://en.unesco.org/news/617-million-children-and-adolescents-not-getting-minimum-reading-and-math>

⁴Laporan Migrasi Dunia 2015, Organisasi Migrasi Antarabangsa: <https://www.iom.int/world-migration-report-2015>

⁵Negara Kelima Terbesar (The Fifth Largest Country), Population Connection: <http://www.populationconnection.org/article/fifth-largest-country/>

⁶Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals), United Nations
<http://www.un.org/sustainabledevelopment/sustainable-development-goals/>
